



27 MAY, 2025

## Laksana APG perluas potensi tenaga boleh diperbaharui



Berita Harian, Malaysia

# Laksana APG perluas potensi tenaga boleh diperbaharui

**Kuala Lumpur:** ASEAN wajar memperkuatkuh integrasi fizikal dan institusi bagi memperluas potensi tenaga boleh diperbaharui di rantau ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata visi itu boleh direalisasikan menerusi pelaksanaan rangkaian Grid Kuasa ASEAN (APG).

Beliau berkata, saranan itu dibuat selepas mengambil kira kepelbagai sumber tenaga boleh diperbaharui di rantau ASEAN yang agihannya ketika ini disifatkan tidak sekata.

Ini kerana, katanya, tenaga hidro banyak tertumpu di wilayah Mekong, manakala potensi tenaga solar dan angin darat di Filipina, Indonesia dan Malaysia.

"Menerusi tujuh rangkaian

rentas sempadan yang sudah beroperasi dan lebih banyak lagi dalam rancangan, perdagangan tenaga rentas negara bukan sahaja boleh dilaksanakan, malah mampu membawa manfaat bersama.

"Projek Integrasi Kuasa Laos-Thailand-Malaysia-Singapura (LTMS-PIP) adalah contoh terbaik bagi perdagangan elektrik pelbagai hala dapat direalisasikan, membolehkan negara bekerjasama membekalkan tenaga boleh baharu merentasi sempadan," katanya.

Beliau yang juga Menteri Peralan Tenaga dan Transformasi Air berkata demikian pada ucapan-tama Mesyuarat Peralihan Tenaga di ASEAN: Memupuk Kerjasama Serantau anjuran MyDigital di sini semalam.

ASEAN dengan populasi ham-pir 700 juta adalah pengguna tenaga keempat terbesar dunia dengan permintaan di rantau ini meningkat kira-kira tiga peratus setahun sejak dua dekad lalu.

Jumlah itu melebihi paras purata global, selain Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA) menjangkakan permintaan tenaga di ASEAN akan meningkat lebih 60 peratus menjelang 2040, jika trend semasa berterusan.

Fadillah berkata, penyelarasan atribut hijau, terutama Sijil Tenaga Boleh Baharu (REC) juga adalah antara aspek paling kri-



Fadillah bersalaman dengan delegasi ketika hadir Mesyuarat Peralihan Tenaga ASEAN di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

tikal yang memerlukan perhatian bersama.

Katanya, ASEAN melalui perluasan dagangan rentas sempadan perlu memastikan pengiktirafan bersama bagi REC untuk mengelak kiraan berganda serta memberi keyakinan kepada pelabur dan pembeli korporat.

### Pertukaran tenaga dua hala

"Malaysia menyokong penuh rangka kerja ASEAN yang menyeluruh bagi atribut hijau, selaras amalan terbaik antarabangsa, memperkuatkuh kredibiliti serta memudah cara perolehan tenaga bersih sektor korporat.

"Perkara ini akan menjadi an-

tara fokus dan keutamaan Malaysia sepanjang tempoh Pengurus ASEAN, dengan tumpuan memajukan rangka kerja serantau bagi kebolehoperasian REC," katanya.

Fadillah berkata, Malaysia menerusi perspektif nasional juga giat memperluas pertukaran tenaga dua hala, termasuk bersama Indonesia, Singapura dan Thailand.

Beliau berkata, Malaysia meraih pencapaian penting apabila memulakan perdagangan tenaga hijau rentas sempadan yang pertama dengan Singapura melalui 'Energy Exchange Malaysia' (ENELEM) pada 13 Disember lalu.